اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**PEKELILING BENDAHARI BIL.9 TAHUN 2022**

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

**PERKHIDMATAN PANEL PENYEWAAN MESIN PENAPIS AIR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa Universiti telah melantik syarikat panel mesin penapis air.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Universiti Bil.9 Tahun 2022 telah meluluskan pelantikan Coway (Malaysia) Sdn Bhd bagi tempoh lima (5) tahun melalui kontrak UMP/BEND/SH/2022(28): Perkhidmatan Panel Penyewaan Mesin Penapis Air di Universiti Malaysia Pahang.

2.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, semua PTJ tidak lagi dibenarkan mengurus penyewaan melalui syarikat lain dan hendaklah menyewa mesin penapis air melalui syarikat yang dilantik seperti maklumat di **Lampiran 1**.

## 3.0 PROSEDUR / TATACARA PELAKSANAAN

3.1 PTJ hendaklah memohon kepada Unit Perolehan Jabatan Bendahari dengan mengisi borang pada **Lampiran 2** dengan memberi maklumat kuantiti dan cadangan lokasi tapak bagi mesin penapis air;

3.2 PTJ hendaklah menghubungi pihak syarikat bagi membuat tempahan selepas mendapatkan kebenaran daripada Unit Perolehan Jabatan Bendahari;

3.3 Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan pesanan tempatan bagi nilai sewaan tahun pertama dan membuat pesanan tempatan pada setiap awal tahun bagi tahun-tahun berikutnya sehingga tahun terakhir kontrak;

3.4 Nombor kontrak hendaklah dicatatkan dalam pesanan tempatan;

3.5 Peruntukan PTJ hendaklah mencukupi bagi setiap tempahan;

3.5 Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi mana-mana penyewaan mesin penapis air yang tidak dibuat melalui syarikat yang telah dilantik.

3.6 Sebarang pertanyaan, PTJ boleh merujuk kepada;

En Sapri bin Abdul Kassim @ Hasan
Eksekutif Kanan Kewangan
Jabatan Bendahari UMP
No Tel: 094316145
Email: safri@ump.edu.my

**4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 25 November 2022.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang
Jumaat, 25 November 2022.

s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang

**Lampiran 1**

| | | |
|---|---|---|
| No Kontrak | : | UMP/BEND/SH/2022 (28) |
| Tajuk Kontrak | : | Perkhidmatan Panel Penyewaan Mesin Penapis Air di Universiti Malaysia Pahang |
| Nama Syarikat | : | Coway (Malaysia) Sdn Bhd (735420-H)<br><br>Level 20, Ilham Tower<br>No.8, Jalan Binjai<br>50450 Kuala Lumpur<br>W.P Kuala Lumpur |
| Nama Untuk Dihubungi | : | Siti Zaiton |
| No Telefon/ Faksimili | : | 016-3116422 / 03-21811929 |
| Tempoh Kontrak | : | 5 Tahun |
| Tarikh Mula | : | 1 Disember 2022 |
| Tarikh Tamat | : | 30 November 2027 |

## JADUAL KADAR HARGA

NO. SEBUTHARGA : UMP/BEND/SH/2022(26)

TAJUK SEBUTHARGA : PERKHIDMATAN PANEL PENYEWAAN MESIN PENAPIS AIR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

| KETERANGAN/SPESIFIKASI | KUANTITI | JENAMA | NEGARA PEMBUAT | HARGA SEWAAN / UNIT (RM) | JUMLAH HARGA TAWARAN SEWAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Mesin Penapis Air<br>*(Syarikat boleh merujuk anggaran kuantiti di bahagian spesifikasi teknikal)* | 1 Unit | COWAY CORE CHP-671L | KOREA | 118.00 | 118.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG JAMINAN PEMBEKAL (RM) | | | | | 118.00 |

..................................
(Tandatangan & Cop Syarikat)

Nama : CHOI SEUNGTAE

Alamat : LEVEL 20 ILHAM TOWER, NO 8, JALAN BINJAI, 50450 KUALA LUMPUR.

Tarikh : 17/8/2022

Coway (Malaysia) Sdn Bhd (735420-H) (AJL931694)
Formerly known as Woongjin Coway (Malaysia) Sdn Bhd
SALES CARE DEPARTMENT
Level 20, Ilham Tower, No. 8, Jalan Binjai,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 - 20591000 Fax : 03 - 21811929

**Option # 2: Rental Scheme**

| Product Description | Qty | Amount RM | Total RM |
|---|---|---|---|
| **1) CHP-671L CORE (Floor Standing)**  | | | |
| Registration Fee | 1 | 200.00 | 0.00 |
| Monthly Rental Fee (advance)<br>***(Normal Register RM200, corporate promotion waived register RM200)*** | 1 | 118.00 | 118.00 |
| | | **TOTAL** | 118.00 |

**Benefits & Privileges:**

- FREE Installation & Labor Fee.
- FREE 5 year of full product warranty, including electronics and mechanical parts.
- FREE 5 year of product check-up & sanitation service (every two months).
- FREE 5 year of filter (cartridge) changing periodically.
- **3 years for rent minimum contract** , 5 years for ownership transfer, customer may need to joint COWAY membership to get maintenance service after 5 years.

Installation : Free of charge with standard tubing & connections (10 meters of rubber tubing waterline max, from water point to machine)
Specifications & features: as in the attached brochure.
***(ALL PRODUCTS, FILTERS AND PARTS ARE FULLY IMPORTED FROM KOREA)***

Spesifikasi teknikal dan syarat-syarat kontrak adalah seperti **LAMPIRAN A**

**Lampiran 2**

## Borang Pemohonan Penyewaan Mesin Penapis Air

Nama Pemohon: ____________________

Jawatan : ____________________

PTJ/Fakulti : ____________________

Tarikh :________ No Tel (Pej.): ____________ No Tel (HP):____________

Cadangan Lokasi Tapak: 1)____________________

2)____________________

3)____________________

4)____________________

5)____________________

| Bil | Kuantiti | Kos sewaan seunit (RM) | Kos Setahun (RM) | Kos Lima tahun (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 4. | | | | |
| 5. | | | | |
| | **Jumlah** | | | |

| Tandatangan Pemohon | Disokong<br>Dekan/Ketua Jabatan | Disahkan |
|---|---|---|
| ____________________ | ____________________ | ____________________ |
| Nama:<br>Jawatan:<br>Tarikh: | Nama:<br>Jawatan:<br>Tarikh: | Unit Perolehan<br>Jabatan Bendahari<br>Tarikh: |

* Pemohon juga perlu melampirkan gambar cadangan tapak mesin penapis air
* Pemohon boleh menambah lampiran sekiranya ruang di atas tidak mencukupi

# LAMPIRAN A

**TAJUK : PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENAPIS AIR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**BAHAGIAN B: SPESIFIKASI TEKNIKAL**

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| 1. | 1.1 Syarikat dikehendaki menyediakan perkhidmatan penyewaan mesin penapis air berjenama di lokasi yang ditentukan secara sewaan bulanan selama lima (5) tahun dengan bayaran sewaan setiap bulan atau sukuan mengikut persetujuan Universiti.<br>Syarikat hendaklah mengemukakan:<br>a. Jenama dan model<br>b. Jenis adalah *Floor Standing*<br>c. Tahun Mesin Di Keluarkan<br>d. Kapasiti Mesin<br>e. Kelebihan Mesin<br>f. Mendapat status halal daripada JAKIM. Syarikat hendaklah menyatakan nombor sijil.<br>g. Mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia<br>h. Mempunyai kemudahan air panas dan air sejuk<br>i. Syarikat hendaklah membuat sambungan terus kepada paip air dengan kos sepenuhnya ditanggung oleh syarikat. | ✓ | a)Jenama : COWAY<br>Model : CORE (CHP - 671L )<br>b) Jenis : Floor Standing<br>c) Tahun keluaran : 2021<br>d) Kapasiti Tangki Air :<br>Panas:3.6L<br>Sejuk: 6.0L<br>Suhu Bilik:11.5L<br>e) Kelebihan Mesin : Penapis air CORE sangat sesuai untuk pejabat kerana tangkinya yang besar iaitu 21 litter ianya sesuai untuk kegunaan kakitangan yang ramai dalam satu masa , penapis air Core mempunyai 3 suhu iaitu panas , sejuk dan suhu bilik untuk kegunaan bersama .<br>f) Status Halal : Ya<br>JAKIM/(S)(22.00)/492/2/1 010-10/2012<br>h) Ada kemudahan air panas , sejuk dan suhu bilik<br>i) Kos sepenuhnya di tanggung oleh agen Syarikat Pembekal |

.................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

.................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
BIN OTHMAN

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| | j. Semua kos pengangkutan yang terlibat dalam perkhidmatan sewaan ini adalah di bawah tanggungan syarikat. | ✓ | Ya , semua kos pengangkutan dalam perkidmatan sewaan ini adalah tanggungan syarikat COWAY. |
| | 1.2 Syarikat dikehendaki memasang mesin di pelbagai lokasi Pusat Tanggungjawab di UMP mengikut anggaran seperti berikut:<br>**i. 2022 – 43 mesin**<br>**ii. 2023 – 16 mesin** | ✓ | Ya , akan di buat pemasangan mengikut senarai lokasi yang di berikan oleh UMP. |
| | 1.3 Bagi tujuan bayara. syarikat hendaklah mengemukakan Inbois sewaan sebelum 3hb setiap bulan atau mana-mana tarikh suku tahun yang dipersetujui oleh Universiti | ✓ | Baik , Invoice akan di-email kan pada PIC UMP seperimana yang di persetujui oleh UMP |
| 2. | **Penyelenggaraan Mesin dan Alat Ganti**<br>a. Syarikat hendaklah menyediakan khidmat penyelenggaraan sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap tiga bulan seperti memeriksa, servis dan membaiki apa yang perlu tanpa sebarang caj. Perkhidmatan penyelenggaraan ini termasuk penukaran filter dan pensterilan. | ✓ | Khidmat penyelenggaraan setiap 2 bulan sekali , penukaran Filter 6 bulan sekali dan penapis air mempunyai warranty sepanjang 5 tahun .<br>Pemerikasaan ,servis dan membaiki akan di lakukan tanpa sebarang caj. |

.................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

.................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
BIN OTHMAN

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| | b. Syarikat hendaklah menghantar pekerja yang berkelayakan dan mahir untuk memeriksa dan menyenggara kelengkapan.<br>c. Penyelenggaraan mesin mestilah daripada *LOCAL PRINCIPAL COMPANY* sepanjang tempoh sewaan mesin (Sila nyatakan *Principal*)<br>d. Membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan asli.<br>e. Alat ganti hendaklah baru dan asli yang belum diguna pakai dengan mengemukakan pengesahan berlabel dari pengeluar oleh pihak jabatan sebelum dibuka dan dipasang.<br>f. Alat ganti adalah terletak di bawah tanggungan syarikat | | |
| 3. | Staf syarikat yang membuat penyelenggaraan perlu melaporkan diri kepada penyelia di Jabatan terlibat sebelum penyelenggaraan dilakukan. | | Ya, Staf Syarikat akan berhubung dan melaporkan diri kepada penyelia di jabatan sebelum sesi penyelengaraan di lakukan . |
| 4. | Syarikat dikehendaki memberi maklumbalas terhadap aduan kerosakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) jam bagi semua peralatan, bermula dari masa aduan kerosakan dimaklumkan. Penggantian mesin ganti sekiranya kerosakan melebihi tempoh satu (1) minggu. | | Sebarang kerosakan/aduan yang diterima hendaklah diselesaikan dalam tempoh Tiga (3) Hari Bekerja dari masa aduan. Sepanjang tempoh kontrak alat ganti adalah terletak di bawah tanggungan Syarikat . |

............................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab
MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

............................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
ZAINUDIN BIN OTHMAN
BENDAHARI / KETUA PEGAWAI KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| | Waktu Penyelenggaraan:<br>Isnin – Jumaat: 9:00 pagi - 4:00 petang (tidak termasuk cuti am) | ✓ | Ya. |
| 5. | Penyelenggaraan hendaklah disediakan oleh syarikat mengikut jadual yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak sepanjang tempoh perkhidmatan. | ✓ | Ya |
| 6. | Semua kos penyelenggaraan dan pembaikan adalah tanggungjawab syarikat termasuk kos alat ganti dan kos pengangkutan. | ✓ | Ya. |
| 7. | Syarikat hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan buku log/aplikasi atas talian bagi penyelenggaraan yang dilakukan, dimana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku log tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil kedua-dua pihak dan mengemukakannya kepada UMP apabila diminta dari masa ke semasa. | ✓ | Ya |
| 8. | Latihan tambahan akan diberi secara percuma jika diperlukan oleh Jabatan. Syarikat perlu mengemukakan manual atau dokumentasi berkenaan pengendalian peralatan kepada pegawai yang berkenaan. | ✓ | Taklimat ringkas diberikan oleh juruteknik semasa proses pemasangan. Kerja-kerja penyelenggaraan hanya boleh dilakukan pekerja yang bertauliah. |

............................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab
MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

............................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
ZAINUDIN BIN OTHMAN
BENDAHARI / KETUA PEGAWAI KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| | Pemasangan mestilah dbuat dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat setuju terima. Syarikat hendaklah menyatakan tempoh pembekalan sebenar dan sekiranya pihak syarikat tidak dapat membekalkan dalam tempoh dipersetujui, maka pihak syarikat dikehendaki menempatkan mesin sementara tanpa melibatkan sebarang kos kepada Universiti. | ✓ | Ya |
| 9. | Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau kemaskini terhadap operasi mesin semasa penyewaan, Syarikat hendaklah bertanggungjawab terhadap perubahan tersebut tanpa sebarang kos kepada pihak UMP. | ✓ | Ya |
| 10. | *Service office* – <br> Sila lampirkan maklumat syarikat <br> Syarikat hendaklah menyatakan nama dan nombor telefon pegawai dan juruteknik yang bertanggungjawab bagi kontrak ini. Syarikat dikehendaki mengesahkan semula maklumat yang sama selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. | ✓ | Ya |
| 11. | Semua peralatan adalah tanggunjawab syarikat dan UMP tidak bertanggungan terhadap mesin daripada kehilangan, kebakaran dan kecuaian. Syarikat boleh mencarum perlindungan takaful harta modal sekiranya perlu dan kos sepenuhnya di bawah tanggungan syarikat | ✓ | Mesin penapis air mempunyai waranti oleh pihak syarikat sepanjang tempoh kontrak . |

.....................................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab
MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

.....................................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
ZAINUDIN BIN OTHMAN
BENDAHARI / KETUA PEGAWAI KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

| Bil. | Spesifikasi Universiti | Ya (_/) atau Tidak (X) | Spesifikasi Syarikat (sila nyatakan dengan lengkap) |
|---|---|---|---|
| 12. | Sebarang kerosakan yang berlaku pada mesin penapis air yang disewa adalah tanggungjawab syarikat untuk membuat gantian mesin penapis air. Sekiranya pihak syarikat gagal, UMP berhak mengenakan denda mengikut kadar harian yang akan dipotong melalui sewa bulanan sehingga mesin penapis air dibekal semula. | ✓ | Ya |
| 13. | Permindahan Mesin mestilah dilakukan oleh pihak syarikat sekiranya pihak UMP memohon untuk memindahkan lokasi mesin samada melibatkan lokasi kampus yang sama atau berbeza dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh pihak syarikat. | ✓ | Ya |
| 14. | Syarikat hendaklah mengutip dan membawa keluar semua filter yang ditukarkan setelah kerja-kerja penukaran/maintenance dilakukan. | ✓ | Ya |
| 15. | Kemudahan- kemudahan lain yang ditawarkan <br> Nyatakan kemudahan-kemudahan lain yang dapat ditawarkan. | ✓ | Kemudahkan yang ditawarkan oleh syarikat adalah untuk memastikan pelanggan berpuas hati dengan produk dan servis yang diberi. |

.....................................................
Tandatangan & Cap
Pegawai Bertanggungjawab
MUHAMMAD FARIS BIN MUHAMAD
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

.....................................................
Tandatangan & Cap
Ketua Jabatan
ZAINUDIN BIN OTHMAN
BENDAHARI / KETUA PEGAWAI KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG